

Teks Ucapan Sempena Majlis Perasmian Media City Angkasapuri

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 26/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB PERDANA
MENTERI**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN MEDIA CITY**

**26 OKTOBER 2022 | RABU | 11.00 PAGI
BANGUNAN MEDIA CITY ANGKASAPURI KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini sempena **Majlis Perasmian Media City Angkasapuri.**

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr. Annuar Haji Musa, Menteri

Komunikasi dan Multimedia dan pihak RTM kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan majlis ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penganjuran majlis pada pagi ini.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

4. Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, pembangunan bidang penyiaran di negara ini telah mengalami pelbagai perubahan dan pembaharuan, khususnya berkait dengan medium penyampaian maklumat.

5. Platform konvensional dalam bidang penyiaran iaitu radio dan televisyen (TV) juga berdepan dengan persaingan sengit yang diberikan oleh platform media baharu.

6. Pada masa yang sama, bilangan syarikat swasta yang memohon lesen pengoperasian 'Content Applications Service Providers' (CASP) bagi mengendalikan aktiviti sebagai stesen penyiaran radio mahupun TV secara langganan atau percuma juga meningkat.

7. Di sebalik persaingan yang semakin pesat ini, Jabatan Penyiaran Malaysia atau Radio Televisyen Malaysia (RTM), kekal sebagai perintis, pelopor dan pemangkin kepada pembangunan industri penyiaran negara.

8. Bermula dengan perkhidmatan radio, RTM telah berkembang pesat meliputi TV dan kemudiannya media baharu dengan siaran di laman sesawang dan media sosial serta memperkenalkan perkhidmatan Over-The-Top atau OTTnya sendiri.

9. Di bawah teraju Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KOMM), RTM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah menjayakan projek pendigitalan siaran televisyen yang menghasilkan peralihan siaran analog kepada format digital sepenuhnya.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

10. Pembangunan Media City merupakan antara langkah strategik Kerajaan untuk merangsang perkembangan dan pembangunan industri penyiaran di negara ini.

11. Saya harap, dengan adanya bangunan ini, langkah- langkah susulan dapat dibuat supaya standard penyiaran Malaysia tidak ketinggalan dan setanding dengan standard amalan di rantau ASEAN dan antarabangsa.

12. Selain itu, peningkatan persaingan dengan bertambahnya penyiar dan pemain industri akan menggalakkan kerjasama yang dapat membangunkan kreativiti dan mewujudkan persaingan sihat dalam penerbitan kandungan.

13. Peranan RTM sebagai media rasmi Kerajaan menjadi lebih dinamik berdasarkan teknologi dan kemudahan yang dimilikinya selain menjadi peneraju serta teladan kepada penyiar lain dalam menyampaikan mesej Kerajaan kepada rakyat.

14. Ini juga meningkatkan keupayaan RTM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, di samping mengekalkan ideologi dan budaya Malaysia, seperti peranan yang dipikul oleh penyiar kebangsaan lain di rantau ini termasuk Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

15. Sejak tahun 1968, bangunan Angkasapuri menjadi ikon penyiaran yang tersergam indah di tepi Lebuhraya Persekutuan, dan kewujudan Bangunan Media City ini akan menambah satu lagi ikon penyiaran, iaitu ikon penyiaran teknologi digital Malaysia.

16. Kewujudannya turut menjadi simbolik kejayaan kerjasama strategik sektor awam dengan sektor swasta, yang mewakili pembaharuan dan sudut pandang baharu RTM iaitu menggerakkan kerjasama ke arah komersial.

17. Simbol ini meletakkan RTM yang baharu pada kedudukan lebih mantap melalui perubahan imej fizikal yang drastik supaya sentiasa kelihatan segar, moden dan dinamik.

18. Kesemua ini dapat memberi pertimbangan kepada mewujudkan sebuah Dasar Penyiaran Negara yang baharu di mana ia boleh berasaskan dua perkara penting iaitu Keluarga Malaysia dan inklusiviti.

19. Malah, ia boleh digarap menjadi sebuah model penerbitan kandungan kebangsaan seperti dipelopori oleh Hollywood di Amerika Syarikat, British Broadcasting Corporation (BBC) di Eropah, dan industri kandungan di Jepun dan Korea yang berpaksi kepada kebudayaan dan gaya hidup tempatan dengan nilai kebersamaan yang universal.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

20. Kehadiran Media City sebagai simbol penyiaran negara bukan sesuatu yang dihadkan kepada kewujudan sebuah bangunan secara fizikal sahaja.

21. Teknologi yang dibawa bersama pembangunan ini wajib dioptimumkan penggunaannya dalam penghasilan kandungan, siaran radio dan televisyen yang lebih jelas di samping penyampaian maklumat dan hiburan kepada rakyat.

22. Kerajaan akan sentiasa menyokong inisiatif yang bersifat mesra-rakyat dan mesra-pemegang taruh (stakeholder- friendly) dalam usaha memenuhi kehendak rakyat dan menyempurnakan amanah rakyat, di samping memberi pulangan positif kepada negara.

23. Rakyat berhak menerima maklumat yang tepat dan sahih, sebagaimana yang dijanjikan oleh RTM, selain hiburan yang berkualiti, dan tanggungjawab ini wajib disampaikan secara berterusan.

24. Saya berharap Media City, pada masa hadapan, akan terus dibangunkan menjadi pusat penyiaran negara dengan penyertaan dan kehadiran pelbagai penyiar tempatan di kompleks ini, mencontohi Media City di Dubai, UAE; Manchester, United Kingdom; Sydney, Australia dan Singapura.

25. Kejayaan pembangunan Media City ini adalah contoh kejayaan kerjasama sektor awam dan swasta yang akan diteruskan untuk projek-projek pembangunan lain dalam pelbagai bidang di negara ini bagi memastikan Malaysia membangun dengan jayanya serta memberi manfaat kepada semua pihak.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

26. Akhir kata, saya berharap perasmian Media City dapat membakar semangat kakitangan RTM dan industri kreatif, khususnya penyiaran,

untuk terus menghasilkan kerja berimpak tinggi dan menaikkan martabat kandungan Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang serta berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

27. Dengan kata-kata dan harapan tersebut, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirahim**, saya merasmikan Media City dengan nama baharu, iaitu **ANGKASAPURI KOTA MEDIA**, dan pada masa yang sama, memasyhurkan nama- nama jalan di kompleks ini sebagai **Jalan Penyiaran, Jalan Lensa, Jalan Frekuensi serta Bulatan Simfoni**.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/teks-ucapan-sempena-majlis-perasmian-media-city-angkasapuri/>